

# Suku 4: Pasaran buruh menggalakkan

Oleh NUR NAZLINA NADZARI

nazlina.nadzari@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Situasi pasaran buruh yang menggalakkan pada suku tahun keempat 2023, berikutan kadar pengangguran kembali ke paras pra pandemik iaitu 3.3 peratus, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, permintaan dalam negeri yang lebih tinggi telah mewujudkan persekitaran yang menggalakkan kepada industri, menyebabkan peningkatan dalam pengeluaran yang disebabkan oleh pengembangan ekonomi hampir di semua sektor.

Katanya, ini menyumbang kepada permintaan buruh yang lebih kukuh meskipun dengan persekitaran luaran yang mencahar.

“Oleh itu, ekonomi Malaysia berkembang 3.0 peratus pada suku keempat 2023, lebih rendah daripada pertumbuhan 3.3 peratus pada suku sebelumnya.

“Mencerminkan perkembangan ekonomi yang bertambah baik sepanjang suku tahun tersebut, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat 0.6 mata peratus tahun ke tahun, mengekalkan kadar tertinggi iaitu 70.1 peratus berbanding suku sebelumnya,” katanya dalam Sorotan Pasaran



**BILANGAN tenaga buruh bertambah 2.2 peratus untuk merekodkan 16.91 juta orang pada suku keempat 2023.**

Buruh, Suku Tahun Keempat 2023 di sini, semalam.

Menurutnya, bilangan tenaga buruh bertambah 2.2 peratus untuk merekodkan 16.91 juta orang pada suku keempat 2023, terutamanya didorong oleh kenaikan 2.5 peratus dalam penduduk bekerja, yang merangkumi 16.35 juta orang.

Sebaliknya, beliau berkata, bilangan penganggur berkurang 5.9 peratus kepada 565,000 orang, menjadikan kadar pengangguran negara pada 3.3 peratus, menunjukkan hampir kembali ke paras pra pandemik (ST4 2022: 3.6 peratus, ST4 2019: 3.2 peratus).

Mengulas kepada situasi guna tenaga tidak penuh, Mohd. Uzir berkata, bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu mencatatkan pertambahan 6.6 peratus berbanding suku yang sama pada tahun 2022, dengan sejumlah 286,100 orang.

“Sehubungan itu, bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa meningkat 8.5 peratus kepada 181.6 ribu orang, dengan kadar 1.1 peratus,” ujarnya.

Mohd Uzir memaklumkan, jawatan dalam sektor ekonomi mencatatkan peningkatan 2.1 peratus kepada 8.94 juta.